



---

**KHAMIS, 17 OGOS 2023  
UNTUK SIARAN SEGERA**

### **KEMALANGAN PESAWAT DI ELMINA, SHAH ALAM, SELANGOR**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan sebuah pesawat jenis Beechcraft Model 390 (Premier 1) dengan nombor pendaftaran N28JV telah terhempas dekat Elmina, Shah Alam, Selangor pada Khamis, 17 Ogos 2023. Pesawat berkenaan yang dikendalikan oleh Jetvalet Sdn Bhd telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada pukul 2:08 petang menuju ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Hubungan pertama oleh pesawat berkenaan dengan Menara Kawalan Trafik Udara Subang adalah pada pukul 2:47 petang dan kebenaran mendarat telah diberikan pada pukul 2:48 petang. Pada pukul 2:51 petang, Menara Kawalan Trafik Udara Subang telah melihat asap dari lokasi nahas namun tiada panggilan kecemasan dibuat oleh pesawat tersebut. Pusat Koordinasi Menyelamat Aeronautik Kuala Lumpur (KL ARCC) telah diaktifkan bagi melaksanakan misi mencari dan menyelamatkan.

Keseluruhan seramai enam penumpang dan dua kru berada dalam pesawat tersebut namun keadaan kesemua mangsa masih belum dapat dipastikan setakat ini. Siasatan lanjut akan dilaksanakan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan mengikut Bahagian XXVI Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016.

**DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Sebarang pertanyaan media berhubung kenyataan ini boleh dibuat dengan menghubungi Puan Anis Rahim di alamat emel [anis@caam.gov.my](mailto:anis@caam.gov.my) atau talian +6012-3364353